

9 FEBRUARI 2023

20 tahun air Sungai Belatop keruh

Oleh AIMUNI TUAN LAH
utusannews@mediamulia.com.my


GU A MUSANG: Lebih 3,000 penduduk Orang Asli di sekitar Tanah Tinggi Lojing di sini, mendakwa kehidupan mereka terjejas selepas air Sungai Belatop yang menjadi sumber utama untuk kegunaan harian sejak 20 tahun lalu menjadi keruh.

Dakwa mereka, pencemaran itu berpunca daripada kegiatan penerokaan tanah dan pembukaan kebun sayur di Tanah Tinggi Lojing.

Penghulu Kampung Brooke Lama, Rian Bujang mendakwa, sejak itu masyarakat Orang Asli sudah tidak menggunakan sungai berkenaan kerana percaya airnya sudah tidak selamat untuk digunakan.

Menurutnya, sebelum ini Sungai Belatop menjadi sumber air utama untuk kegunaan harian penduduk seperti mandi, membasuh pakaian, minum dan memasak.

"Selain hakisan tanah pertanian, pencemaran itu dipercayai



RIAN Bujang (kanan) menunjukkan air keruh di Sungai Belatop di Kampung Brooke Lama, Gua Musang, Kelantan. - UTUSAN/AIMUNI TUAN LAH

berpunca daripada sisa air baja dan racun di tanah pertanian dan kemudian telah mengalir ke dalam sungai," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Sementara itu, Along Ronggeng, 59, pula memberitahu, air Sungai Belatop menjadi sumber pendapatan dan makanan penduduk apabila memperoleh

banyak hasil tangkapan ikan sungai.

Katanya, kini penduduk juga telah beralih melakukan kerja yang memberi pulangan lain

seperti berkebun.

"Dulu Tuhan bagi anugerah sungai ini bersih untuk minum dan ada banyak ikan. Sekarang ini kerana kerakusan tangan-tangan manusia menyebabkan sungai tercemar sehingga bertukar warna teh susu.

"Kami berharap pihak kerajaan Pusat dan negeri bertanggungjawab mengatasi masalah ini dengan memulihkan kualiti air dan mengawal aktiviti kelulusan tanah kebun," ujarnya.

Sementara itu, Pegawai Kawan Alam Sekitar Kanan Gua Musang, Zaharizam Johny berkata, pihaknya tidak menerima aduan secara rasmi daripada penduduk Orang Asli berkaitan Sungai Belatop yang didakwa tercemar.

Katanya, bagaimanapun pemantauan dibuat pihaknya secara berkala.

"Pihak kami tidak akan berkompromi dan akan mengambil tindakan segera sekiranya benar terdapat aktiviti yang menyebabkan pencemaran sungai," katanya.